

# Bukan medan mempelai pamer kemewahan



Masyarakat perlu berpandukan pepatah 'ukur baju di badan sendiri' dalam mengurus majlis perkahwinan.

(Foto hiasan)

**Setiap** individu memiliki impian untuk mengadakan majlis perkahwinan gah dan penuh bermakna.

Bagaimanapun, Kaunselor Berdaftar di Bahagian Perkhidmatan Sumber Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM), Siti Fatimah Abdul Ghani, berkata pasangan yang ingin berkahwin tidak perlu menormalisasikan sesuatu yang kemungkinan menjadi beban emosi di kemudian hari.

Beliau menegaskan, perkahwinan bukan medium untuk menunjuk kemewahan, sebaliknya satu ikatan suci yang perlu dilangsungkan dengan kefahaman mendalam terhadap nilai dan hukum syarak.

Beliau turut mengingatkan, sekiranya kedudukan kewangan belum stabil, pasangan wajar mempertimbangkan, menangguhkan perkahwinan bagi

mengelakkan tekanan hidup yang tidak perlu selepas bernikah.

"Berpijak pada realiti dan akal yang waras dengan pertimbangan pilihan yang rasional.

"Persediaan kewangan bukan bermaksud mencukupi semua hal, namun cukup sekadar ada sumber kewangan yang tetap bagi tujuan perbelanjaan isi rumah selepas berkahwin," katanya.

## Perlu lebih realistik

Siti Fatimah berkata, masyarakat hari ini perlu lebih realistik dalam memahami konsep 'majlis gilang-gemilang', yang hakikatnya harus berpandukan pepatah 'ukur baju di badan sendiri'.

"Jika impian itu akhirnya meninggalkan beban emosi dan krisis kewangan, lebih baik majlis dilangsungkan secara seder-

hana tetapi bermakna. Ikut hati, binasa.

"Untuk apa berhabisan demi satu hari majlis perkahwinan, jika hutangnya mengambil masa bertahun-tahun untuk dilangsaikan?"

"Melainkan ia ditanggung keluarga yang berbesar hati meraikan pasangan mempelai. Semuanya bergantung kepada pilihan dan keselesaan masing-masing," katanya.



Siti Fatimah Abdul Ghani